

13 OCT 2003

JERMAN-MALAYSIA

OAV GESA TINDAKAN SUSULAN SEGERA KEPADA LAWATAN SCHROEDER KE MALAYSIA

Oleh: Manik Mehta

BERLIN, 13 Okt (Bernama) -- Satu tindakan susulan selepas lawatan Chancellor Jerman Gerhard Schroeder ke Malaysia perlu diambil dengan segera.

Lawatan itu telah menarik minat dan membuka mata di kalangan pelabur Malaysia yang kini melihat Jerman sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik, demikian kata Majlis Perniagaan Asia Pasifik di sini.

Majlis perniagaan yang berpangkalan di Hamburg itu yang lebih dikenali dengan singkatan OAV, menyatakan dalam laporan terbarunya bahawa lawatan Schroeder telah menyediakan dorongan politik yang kuat kepada hubungan Jerman-Malaysia dan kini terpulang kepada industri Jerman untuk mengambil tindakan susulan dengan segera.

Dilaporkan bahawa Duta Jerman ke Malaysia, Juergen Staks telah menyediakan penilaian hubungan Jerman-Malaysia yang "sangat positif" semasa mesyuarat jawatankuasa Malaysia OAV.

Pembentukan satu jawatankuasa ekonomi dua hala baru, hasil daripada lawatan Schroeder itu dilihat daripada sudut pandangan perwakilan industri sebagai satu langkah penting untuk meningkatkan kedudukan Jerman ketika membida projek-projek besar di Malaysia.

OAV menegaskan bahawa tonggak asas hubungan ekonomi Jerman-Malaysia tidak akan berubah walaupun selepas persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jerman menjangkakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan Dr Mahathir akan terus mengekalkan kesinambungan politik.

OAV menyatakan ia menjangkakan pilihan raya akan diadakan sejurus selepas peralihan kuasa daripada Dr Mahathir kepada Abdullah.

"Pembangunan ekonomi di Malaysia terus positif hasil daripada permintaan domestik yang stabil dan eksport yang meningkat," kata OAV.

Eksport Jerman ke Malaysia juga berkembang dengan dinamik dan pelaburan meningkat secara perlahan-lahan tetapi stabil.

Selain memperolehi projek-projek besar, syarikat kecil dan sederhana Jerman juga berjaya dalam banyak sektor, sebagai contoh, dalam industri bahagian-bahagian automatik dan aksesori.

OAV menyatakan, bagaimanapun, syarikat-syarikat Jerman tidak memanfaatkan sepenuhnya peluang yang tersedia dalam beberapa sektor khusus.

"Peranan Malaysia sebagai tapak serantau semakin mendapat pengiktirafan di mana selepas DHL/Danzas menubuhkan sebuah pusat pada Januari 2003, BMW (pengeluar kereta Jerman) juga membuka sebuah pusat logistik di Malaysia bagi keseluruhan rantau Asia Pasifik," kata OAV.

"Bagi mengambil kesempatan sepenuhnya daripada ciri-ciri Malaysia sebagai satu destinasi yang menarik, kerjasama dalam Asean juga perlu diperkukuhkan," kata OAV.

OAV menyatakan, bagi menggerakkan kerjasama, perlu untuk memberikan tekanan kepada ekonomi-ekonomi asing; daripada sudut politik, Kesatuan Eropah telahpun menyuarakan pendapat agar dipercepatkan pelaksanaan AFTA (Kawasan Perdagangan Asean).

Akibat daripada tiada dinamik dalam konteks ini, Malaysia kelihatan kurang bergantung kepada kerjasama dengan kumpulan serantau dan banyak bergantung kepada kumpulan "Asean+3" yang dikuasai oleh China.

Ini akan merealisasikan impian Dr Mahathir untuk mempunyai sebuah perkumpulan Kerjasama Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang kuat. Perkumpulan ini, yang dibentuk pada awal 1990 hasil inisiatif Malaysia bagi

mengimbangi penguasaan kumpulan APEC, hanya berfungsi sekadar sebagai forum perbincangan, jelas OAV.

Bagaimanapun Asean telah membuktikan kejagohannya tahun ini terutama dalam isu-isu keselamatan dengan pembentukan Pusat Memerangi Keselamatan Asia Tenggara. Disebabkan sempadannya yang terbuka dan zon sensitif yang mudah dimasuki, Malaysia memberi perhatian utama kepada situasi keselamatan yang stabil di rantau ini.

Dalam usaha menarik pelaburan asing, Malaysia telah melonggarkan garis panduan ekuiti pelaburannya. Malahan undang-undang pelaburan baru itu menawarkan kemungkinan pemilikan 100 peratus dalam bahagian tertentu sektor pembuatan. -- BERNAMA

MM TJK ZK